

05/04/2003

PPP kemuka permohonan kerusi pilihan raya

KUALA LUMPUR: Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) akan mengemukakan secara rasmi permohonan mendapatkan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang, sebaik saja Parlimen meluluskan usul persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Usul itu akan dibentangkan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Selasa ini.

Presiden PPP, Senator Datuk M Kayveas, berkata beliau akan mengemukakan permintaan itu secara rasmi kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah yang kini memangku jawatan Pengerusi BN.

"Permintaan itu berdasarkan kepada resolusi Perhimpunan Agung PPP Oktober tahun lalu, iaitu untuk mendapatkan 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

"PPP membuat permintaan itu memandangkan, selain membabitkan pertambahan 25 kerusi Parlimen baru, persempadanan semula itu juga akan membabitkan tambahan 59 lagi kerusi DUN," kata kepada Berita Harian.

Pada masa ini, terdapat 194 kerusi Parlimen dan 504 kerusi DUN.

"Kita berharap permintaan kita kali ini berjaya setelah usaha kita mendapatkan kerusi pada pilihan raya ke-8 (1990), pilihan raya ke-9 (1995) dan pilihan raya ke-10 (1999) gagal atas alasan tiada kerusi baru diperuntukkan.

"Sokongan PPP yang tidak berbelah-bagi kepada kerajaan dan calon BN dalam pilihan raya sebelum ini, rasanya perlu diberi ganjaran. Namun kita tidak akan memberi sebarang tekanan kepada pucuk pimpinan parti supaya memperuntukkan kerusi kepada PPP dan akan akur kepada apa juga keputusan pucuk kepimpinan BN," katanya.